

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]**

**TARIKH** : **18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN** : **Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan menyatakan apakah manfaat yang boleh diberikan dengan kewujudan Agro Bazaar Rakyat 1Malaysia dan Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) terutamanya kepada penduduk luar bandar.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Antara manfaat yang boleh diberikan dengan kewujudan Agro Bazaar Rakyat 1Malaysia dan Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) terutamanya kepada penduduk luar bandar adalah seperti berikut :

- (i) Menawarkan penjimatan 5%-20% bagi komoditi terpilih kepada pengguna;
- (ii) Menawarkan luang pasaran langsung kepada pengeluar dan selaras dengan Jihad Memerangi Orang Tengah;

- (iii) Menggalakkan petani, penternak dan nelayan menjual secara terus kepada pengguna;
- (iv) Membolehkan petani, penternak dan nelayan mendapat harga yang munasabah sehingga 60% dari harga barang dijual melalui pengurangan lapisan pasaran; dan
- (v) Memastikan pengguna mendapat bekalan secara berterusan.